

KARANGAN 12 (N LEVEL)

Nilai-nilai yang patut dipupuk dalam diri remaja untuk melalui cabaran abad ke-21

BAHAGIAN PENGENALAN

Kehidupan kita dalam abad ke-21 kini pesat berubah kerana perkembangan teknologi dan pengaruh globalisasi. Kedua-dua unsur ini membawa banyak cabaran dan memerlukan kita mempersiapkan diri bagi mengharungi cabaran-cabaran tersebut. Untuk berjaya, kita perlukan ilmu dan kemahiran, dan kedua-duanya perlu berpandukan nilai. Ini kerana nilai membentuk keperibadian serta mewarnai kepercayaan, sikap dan tindakan kita. Sekiranya kita diminta untuk memikirkan cabaran-cabaran abad ke-21, apakah yang bermain dalam minda kita? Sudahkah kita mempersiapkan remaja kita untuk mengharungi cabaran-cabaran ini? Persoalannya, apakah nilai-nilai yang patut dipupuk dalam diri remaja untuk melalui cabaran abad ke-21?

BAHAGIAN UTAMA

Yakin pada diri sendiri

Nilai utama sekali adalah yakin pada diri sendiri. Dengan kata lain, seseorang itu harus kenal akan dirinya dan dapat membezakan antara yang benar dan salah, serta dapat menyesuaikan diri dan berdaya tahan dalam mengambil sesuatu keputusan atau tindakan. Hal ini memerlukan beliau untuk berupaya berfikir secara sendiri dan kritikal di samping menyampaikan pandangannya dengan berkesan. Nilai ini penting apabila kita berdepan dengan, khususnya, cabaran dalam abad ke-21 di mana para remaja harus berdepan dengan masalah baru yang belum pernah berlaku sebelum ini dan memerlukan mereka mengambil sesuatu keputusan dan tindakan yang membawa kepada kesan yang baik. Keadaan seperti ini akan sering berlaku akibat perubahan pesat yang berlaku dalam kehidupan kita dalam abad ini. Jelaslah bahawa yakin pada diri sendiri merupakan nilai yang patut dipupuk dalam diri remaja untuk melalui cabaran abad ke-21.

Sentiasa berusaha mempertingkatkan diri

Kedua dan sama penting juga adalah nilai sentiasa berusaha mempertingkatkan diri. Dengan demikian, seseorang itu sentiasa bertanya, merenung, berdaya tahan serta mengambil tanggungjawab di atas pembelajarannya. Nilai ini penting apabila kita berdepan dengan, misalnya, cabaran dalam abad ke-21